

# 'Malam paling menggerunkan kami'

**KOTA BHARU 26 Jan.** - Sebuah keluarga terpaksa mengharungi malam yang menggerunkan apabila rumah mereka yang terletak kira-kira 10 meter dari Pantai Pulau Kundur di sini bukan sahaja ditenggelami air, malah hampir roboh dibadai ombak kuat akibat fenomena air pasang besar, semalam.

Seorang penduduk, **Rohani Hassan**, 51, berkata, air pasang besar merupakan perkara biasa di pantai tersebut kerana berlaku setiap tahun terutama musim tengkujuh, namun fenomena kali ini amat luar biasa dan berlaku sangat pantas.

"Air pasang bermula pukul 7 malam, air naik hingga ke darat manakala angin bertiup kencang seperti ribut taufan. Hati saya berdebar-debar setiap kali ombak menghempas tiang dan dinding sehingga rumah kami bergegar.

"Kira-kira pukul 11 malam, ruang tamu sudah dipenuhi pasir dan air pantai. Kami tidak boleh tunggu lagi dan terpaksa berpindah keluar sebelum berlaku kejadian tidak diingini," katanya di sini hari ini.

Seorang lagi penduduk, **Sushida Salmi Mat Zin**, 32, berkata, apabila melihat air laut serta pasir mula memenuhi kawasan rumah, dia panik kerana bimbang keselamatan diri serta anak-anak yang masih kecil lalu membuat keputusan untuk keluar daripada kediaman mereka.



**ROHANI HASSAN** mencari barang yang masih boleh digunakan di rumahnya yang dinaiki air dan dipenuhi pasir disebabkan air pasang besar yang melanda Kampung Pantai Pulau Kundur, Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu, Kelantan, malam kelmarin.

"Kami buat persiapan untuk berpindah dalam keadaan gelap kerana bekalan elektrik terputus," katanya.

Rohani dan Sushida Salmi merupakan antara 44 mangsa dari Kam-

pung Pantai Pulau Kundur yang dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Kundur di sini sejak semalam berikutan fenomena air pasang besar yang melanda ka-

wasan penempatan mereka.

Sementara itu di Pantai Kemayang, Bachok, lebih 100 penduduk yang tinggal di pesisiran pantai bimbang keselamatan mereka berikutan ancaman angin kencang dan fenomena air pasang besar yang melanda sejak semalam.

Seorang nelayan, **Amir Ismail**, 32, berkata, dia dan keluarganya terpaksa 'bermalam' di luar rumah kerana kediaman mereka dinaiki air sedalam setengah meter, selain bimbang tempat mereka berteduh itu roboh ekoran angin bertiup ter-lalu kencang.

"Kami tidak berani masuk ke dalam rumah dan sanggup berem-bun di luar sehingga pukul 2 pagi. Apabila keadaan angin reda, baha-rulah saya mengarahkan isteri dan anak-anak masuk tidur," katanya.

Bendahari Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kampung Kemayang, **Daud Abdullah** berkata, fenomena air pasang besar yang berlaku malam tadi menyebabkan penduduk panik kerana rata-rata mereka masih trauma dengan bencana bah kuning yang berlaku dua tahun lalu.

"Dalam kejadian dua tahun lalu, rumah saya yang terletak jauh dari pantai turut digenangi air sehingga paras lutut. Apabila fenomena itu datang lagi semalam, kami cemas lalu buat persiapan untuk berpindah sekiranya perlu," katanya.